

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen “Preferred Visa INFINITE 8X Bonus Points on Dining and Overseas Spend”

Tempoh Kempen

- (1) “Preferred Visa INFINITE 8X Bonus Points on Dining and Overseas” (“Kempen”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) (“CIMB” atau “Bank”) dan akan diadakan dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”). CIMB menyimpan hak untuk memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar bagi menukar tempoh dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

- (2) Kempen ini terbuka kepada semua pemegang kad utama dan tambahan yang memegang dan membelanja dengan kad kredit CIMB Preferred Visa INFINITE (“Kad”) semasa Tempoh Kempen (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta Layak”).
- (3) Peserta Layak hendaklah mengekalkan jumlah agregat minimum Deposit dan/atau Pelaburan sebanyak RM250,000.00 pada bila-bila masa atau jumlah lain sebagaimana yang Bank mungkin tentukan dari semasa ke semasa yang didepositkan di mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau melaburkan dalam mana-mana produk pelaburan Bank dan/atau CIMB Islamic di bawah akaun tunggal atau akaun bersama Pemegang Kad Utama di mana Pemegang Kad Utama adalah pemegang akaun utama.
- (4) “Transaksi perbelanjaan runcit” hendaklah bermaksud transaksi pembelian bagi barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian atas talian bagi barangan dan perkhidmatan dan tidak akan termasuk transaksi perjudian atau pertaruhan. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi berikut juga jelas dikecualikan di sini dan tidak akan dianggap sebagai “transaksi perbelanjaan runcit” bagi tujuan memperoleh mata bonus:
 - a) Transaksi pendahuluan tunai, pengeluaran tunai, deposit tunai dan/atau perjudian atau pertaruhan;
 - b) Transaksi runcit berhubung dengan pembelian petrol, diesel dan mana-mana pembelian lain yang dilakukan di kios petrol;
 - c) Transaksi runcit yang dipertikaikan oleh Pemegang Kad;
 - d) Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj penipuan, caj faedah/kewangan, fi pendahuluan tunai, fi pemprosesan, atau sebarang jenis fi dan/atau penalti lain sama ada yang dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
 - e) Transaksi pelan bayaran ansuran;
 - f) Transaksi bayaran berulang;
 - g) Bayaran kepada badan amal di bawah Kod Kategori Peniaga yang ditetapkan (MCC) 8398- Pertubuhan amal dan perkhidmatan sosial; dan
 - h) Sebarang bayaran berkaitan dengan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan di bawah:-

9211	Kos mahkamah, termasuk alimoni dan sokongan kanak-kanak
9222	Denda
9223	Bayaran jaminan dan bon
9311	Bayaran cukai
9399	Perkhidmatan kerajaan
9402	Perkhidmatan pos - kerajaan sahaja
9405	Pembelian Intra-Kerajaan - Kerajaan sahaja

- (5) Apa-apa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan apa yang merupakan “transaksi perbelanjaan runcit” hendaklah menjadi konklusif melainkan kesilapan nyata. Mata bonus yang diperolehi berkenaan dengan transaksi perbelanjaan runcit Luar Negara akan dikira berdasarkan jumlah yang ditransaksikan bersamaan dengan RM yang akan ditukar pada kadar pertukaran semasa yang ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara mutlakny.
- (6) “**Mata Bonus**” bermaksud mata yang dianugerahkan kepada pemegang kad bagi transaksi perbelanjaan runcit yang dicaj kepada Kad.
- (7) “**Menjamu Selera**” merujuk kepada transaksi perbelanjaan runcit dengan Kod Kategori Peniaga (MCC) 0743, 0744, 5811, 5812, 5813, 5814, 5921.
- (8) “**Luar Negara**” merujuk kepada transaksi perbelanjaan runcit yang dilakukan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia (RM) atau berada di bawah Pertukaran Mata Wang Dinamik (“*Dynamic Currency Conversion*”, DCC).

Nota*: Pertukaran Mata Wang Dinamik (DCC) adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga luar negara tertentu untuk memberi pilihan supaya membayar dalam Ringgit Malaysia (termasuk pembelian atas talian) bagi pembelian luar negeri.

Kriteria Penyertaan

- (9) Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini.
- (10) Perbelanjaan minimum tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

Pemenuhan Mata Bonus 8X bagi Perbelanjaan Menjamu Selera dan Luar Negara

- (11) Peserta Layak akan memperolehi 1 Mata Bonus bagi setiap RM1 perbelanjaan bukan-Luar Negara dan 2 Mata Bonus bagi setiap RM1 perbelanjaan Luar Negara yang dicajkan kepada Kad dan dinyatakan dalam penyata (“**Mata Bonus Asas**”) seperti yang dinyatakan juga dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Ganjaran Ahli yang terdapat di <https://rewards.cimbbank.com.my>.
- (12) Mata Bonus Asas akan dikreditkan kepada Peserta Layak di dalam penyata yang sama seperti transaksi perbelanjaan runcit dilakukan.

(13)Peserta Layak yang memenuhi syarat di bawah klausa (3) di atas akan memperolehi 7 Mata Bonus bagi setiap RM1 perbelanjaan Menjamu Selera dan 6 Mata Bonus bagi setiap RM1 perbelanjaan Luar Negara yang dicajkan kepada Kad dan dinyatakan dalam penyata semasa Tempoh Kempen (“**Mata Bonus Tambahan**”).

(14)Peserta Layak akan menerima Mata Bonus Tambahan seperti yang terdapat di jadual yang ditetapkan dalam Jadual A di bawah.

Jadual A

Mata Bonus yang diperolehi semasa tempoh	Pengkreditan Mata Bonus ke dalam Akaun Peserta Layak
1 Jan 2020 - 31 Mar 2020	30 Apr 2020
1 Apr 2020 - 30 Jun 2020	31 Jul 2020
1 Jul 2020 - 30 Sep 2020	31 Oct 2020
1 Oct 2020 - 31 Dec 2020	31 Jan 2021
1 Jan 2020 - 31 Mar 2020	30 Apr 2020

Contoh 1:

Encik Wong membelanjakan RM1,000 untuk Menjamu Selera dan RM2,500 di Luar Negara dengan kad kredit CIMB Preferred Visa INFINITE pada 9 Februari 2020 dan beliau memenuhi syarat di bawah klausa (3) di atas bagi bulan Februari 2020.

Dalam penyata kad kredit Encik Wong bagi bulan Februari 2020, beliau akan menerima 6,000 Mata Bonus Asas:

Menjamu Selera: $RM1,000 \times 1 = 1,000$ Mata Bonus

Luar Negara: $RM2,500 \times 2 = 5,000$ Mata Bonus

Jumlah Mata Bonus yang diperolehi = $1,000 + 5,000 = 6,000$ Mata Bonus

Dalam penyata kad kredit Encik Wong bagi bulan April 2020, beliau akan menerima 22,000 Mata Bonus Tambahan:

Menjamu Selera: $RM1,000 \times 7 = 7,000$ Mata Bonus

Luar Negara: $RM2,500 \times 6 = 15,000$ Mata Bonus

Jumlah Mata Bonus yang diperolehi = $7,000 + 15,000 = 22,000$ Mata Bonus

Oleh itu, Encik Wong adalah layak untuk jumlah 28,000 Mata Bonus di bawah Kempen ini.

Contoh 2:

Encik Wong membelanjakan RM1,000 untuk Menjamu Selera dan RM2,500 di Luar Negara dengan kad kredit CIMB Preferred Visa INFINITE pada 9 Februari 2020 dan beliau tidak memenuhi syarat di bawah klausa (3) di atas bagi bulan Februari 2020.

Dalam penyata kad kredit Encik Wong bagi bulan Februari 2020, beliau akan menerima 6,000 Mata Bonus Asas:

Menjamu Selera: $RM1,000 \times 1 = 1,000$ Mata Bonus

Luar Negara: $RM2,500 \times 2 = 5,000$ Mata Bonus

Jumlah Mata Bonus yang diperolehi = 1,000 + 5,000 = 6,000 Mata Bonus

Dalam penyata kad kredit Encik Wong bagi bulan April 2020, beliau tidak akan menerima Mata Bonus Tambahan.

Oleh itu, Encik Wong adalah layak untuk jumlah 6,000 Mata Bonus di bawah Kempen ini.

Sekiranya Encik Wong memenuhi syarat di bawah klausa (3) pada bulan seterusnya, beliau akan layak untuk menikmati Mata Bonus Tambahan bagi perbelanjaan Menjamu Selera serta Luar Negara beliau yang dilakukan pada bulan seterusnya semasa Tempoh Kempen.

- (15)Pengesanan Transaksi Perbelanjaan Runcit adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
- (16)“Transaksi perbelanjaan Runcit” adalah dikira dengan jumlah perbelanjaan Kad (utama dan tambahan) yang digabungkan. Sekiranya Peserta Layak mempunyai pelbagai Kad tambahan, transaksi perbelanjaan runcit yang dilakukan di atas semua Kad oleh pemegang-pemegang kad utama dan tambahan akan digabungkan dan tidak akan dilihat secara individu.
- (17)CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh VISA, MasterCard, tempat peniaga atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkarannya sengaja CIMB.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Umum

- (18)Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma & Syarat-Syarat ini dan juga memberi kebenaran kepada CIMB Bank untuk memproseskan dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berkaitan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Mata Bonus yang diberikan dan penentuan Peserta Layak, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
- (19)Kad kredit CIMB Preferred Visa INFINITE Peserta Layak (i) MESTI tidak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal kad kredit CIMB Preferred Visa INFINITE DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah yang bertentangan (“*adverse order*”) yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau menjadi tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Mata Bonus, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Mata Bonus akan dilucutkan.
- (20)CIMB Bank menyimpan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

- (21) CIMB Bank menyimpan hak untuk mengganti Mata Bonus dengan item lain yang mempunyai nilai setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak/Pelanggan atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
- (22) Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB Bank tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kewajipannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "*act of God*" di luar kawalan CIMB Bank atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
- (23) CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk apa-apa kehilangan atau kerugian dalam apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berhubung dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Layak Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") melainkan perkara sama yang akan timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB Bank.

- (24) CIMB Bank menyimpan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB Bank melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Bank dan cawangan CIMB Bank atau kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank di mana peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh diberikan dalam notis tersebut atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau dengan melaksanakan iklan berkenaan dengan Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB Bank atau melalui apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB Bank dalam pemberitahuan. Peserta Layak/Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Bank secara berkala untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
- (25) Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung oleh pindaan, variasi, pemadaman, penambahan or pengubahsuaian Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
- (26) Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 24) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa kad kredit CIMB Preferred Visa INFINITE dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal kad kredit CIMB Preferred Visa INFINITE yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
- (27) Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis semasa lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas Bank berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.
- (28) Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank yang mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat emel yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat emel lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB Bank melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan, Malaysia. Telefon: +603-6204 7788, Emel : cru@cimb.com